



Kertas dasar

Membina ekonomi penjagaan dari buaian hingga ke liang lahad untuk Malaysia

Ditulis oleh [Lee Min Hui](#), [Calvin Cheng Kah Weng](#), [Shazana Agha](#) dan [Anis Farid](#)

Dengan sumbangan oleh [Prof Datuk Dr Norma Mansor](#), [Dr Teoh Ai Hua](#) dan [Sofea Azahar](#)

Mei 2024

Tentang penulis

Lee Min Hui ialah penganalisis kanan dalam program Dasar Sosial dan Integrasi Nasional di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Minat penyelidikan beliau tertumpu sekitar isu keterangkuman sosial terutama berkaitan kesaksamaan gender, kebajikan, ekonomi penjagaan, penuaan, perlindungan buruh, dan kemiskinan serta perancangan bandar. Beliau merupakan lulusan Ijazah Sarjana dalam Dasar Awam dari King's College London dan Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Antarabangsa dan Global dari Universiti Monash Malaysia.

Calvin Cheng ialah felo dalam program Ekonomi, Perdagangan dan Integrasi Serantau di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Minat penyelidikan beliau ialah berkisar isu ekonomi gunaan berkaitan isu pekerjaan, perlindungan sosial, pembangunan ekonomi dan mereka bentuk program bantuan sosial. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Dasar Awam dari London School of Economics and Political Science (LSE) dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi dan Ekonometrik dari Universiti Monash di Clayton.

Shazana Agha ialah ketua penyelidik di Women's Aid Organization (WAO) iaitu sebuah badan bukan kerajaan di Malaysia yang bekerja untuk meningkatkan kesaksamaan gender dan menamatkan keganasan terhadap wanita. Pada masa ini, beliau adalah penyelidik bersama untuk satu kajian berkaitan meningkatkan daya tahan pekerja penjagaan di Malaysia. Beliau juga merupakan penyokong yang kuat dalam banyak isu yang menyentuh soal wanita dan gadis di Malaysia. Beliau merupakan lulusan dari Universiti Monash dan memiliki Ijazah Sarjana (Pengajian Gender) dari Universiti Malaya.

Anis Farid ialah pengurus projek penyelidikan di Women's Aid Organization (WAO) bertanggungjawab dalam Projek RE:CARE yang meninjau isu pembinaan daya tahan tenaga kerja dan infrastruktur penjagaan di Malaysia sebagai persediaan krisis pada masa akan datang. Peranan beliau pada masa ini adalah tertumpu kepada pemerkasaan ekonomi wanita dan kepentingan untuk mengiktiraf serta menangani kerja penjagaan sama ada bergaji atau tidak. Anis memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang psikologi dari Universiti McGill dan Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Dasar Sosial dari London School of Economics.

Prof Datuk Dr Norma Mansor telah menjadi pengarah Pusat Penyelidikan Kesejahteraan Sosial sejak tahun 2013. Beliau telah berkhidmat sebagai penasihat dan perunding untuk pelbagai organisasi termasuk Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), Bank Dunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), Kesatuan Eropah, Bank Pembangunan Asia dan agensi-agensi kerajaan di Malaysia. Beliau juga banyak menulis buku dan artikel jurnal berkaitan dasar awam dan sosial, penuaan dan perlindungan sosial. Beliau merupakan felo Akademi Sains Malaysia dan presiden Persatuan Ekonomi Malaysia. Beliau memiliki PhD dan Ijazah Sarjana dari Universiti Liverpool dan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya.

Dr Teoh Ai Hua ialah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia. Minat penyelidikan beliau tertumpu pada perkhidmatan sosial awam, pemprofesionalan kerja sosial, serta pengurusan kes dan penjagaan dalam komuniti. Beliau juga merupakan Presiden Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW) dan naib presiden Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Malaysia (MAKPEM). Beliau memiliki PhD dalam bidang Kerja Sosial (UUM), Ijazah Sarjana dalam pengajian Kerja Sosial dari Universiti Kent di Canterbury dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang pentadbiran awam dari UUM.

Sofea Azahar ialah penganalisis dalam program Ekonomi, Perdagangan dan Integrasi Serantau di Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia. Minat penyelidikan beliau adalah terhadap pembangunan ekonomi yang menekankan tentang pembangunan modal insan dan kesan kepada ketidaksamaan dalam pendidikan. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sains dalam Pengajian Pembangunan dari London School of Economics and Political Science (LSE) dan Ijazah Sarjana Muda dalam ekonomi dari Universiti Essex.

*Pandangan daripada Tan Sri Dato' Seri Prof Emerita Dr. Sharifah Hapsah dan Prof. Dato' Dr. Tengku Aizan Tengku Abdul Hamid bersama-sama dengan ahli panel dan delegasi dalam perbincangan meja bulat ekonomi penjagaan dan Persidangan PRAXIS pada tahun 2023 adalah sangat bernali dalam penulisan kertas dasar ini.

Ringkasan eksekutif

- Peralihan demografi di Malaysia makin terarah kepada masyarakat berusia dan penguncutan tenaga buruh menyebabkan permintaan terhadap keperluan penjagaan akan meningkat. Kesan situasi ini akan banyak dirasai oleh kebanyakan wanita yang menjalankan hampir keseluruhan kerja penjagaan yang tidak bergaji. Keadaan ini menjadi suatu perkara yang mustahak kepada Malaysia untuk membina ekonomi penjagaan dari buaian hingga ke liang lahad yang bertindak balas terhadap keperluan penjagaan. Ia merangkumi penjagaan kanak-kanak hingga warga emas serta penjagaan khusus seperti penjagaan orang kurang upaya dan paliatif.
- Ekonomi penjagaan mempunyai potensi untuk memacu pertumbuhan ekonomi. Sekiranya kerja penjagaan yang terhasil di rumah-rumah di Malaysia pada setiap hari dinilai dalam angka KDNK, nilainya adalah sekitar RM379 bilion iaitu menyumbang satu perlima daripada sektor perkhidmatan.
- Dengan menghapuskankekangan penjagaan yang menghalang penyertaan dalam tenaga buruh, Malaysia dapat membolehkan 3.2 juta pekerja untuk terlibat dalam pekerjaan bergaji dan mampu membuka potensi sebanyak 4.9 mata peratusan daripada pertumbuhan KDNK pada tahun 2022.
- Walau bagaimanapun, pembentukan ekonomi penjagaan dari buaian hingga ke liang lahad yang saksama di Malaysia terhalang disebabkan beberapa faktor termasuk kadar kebergantungan yang tinggi terhadap penjagaan tidak formal dengan sokongan terhad kepada penjaga, ketiadaan aspek penjagaan sosial dalam rangka kerja perlindungan sosial negara, kekurangan perkhidmatan penjagaan sosial yang memenuhi kemahuan, perundungan yang tidak mencukupi dalam mentadbir urus ekonomi penjagaan dan tenaga kerja serta persepsi umum bahawa aktiviti penjagaan ini adalah kebanyakannya “isu wanita”.
- Bagi membina ekonomi penjagaan dari buaian hingga ke liang lahad yang menyeluruh dan saksama, Malaysia perlu merealisasikan pendekatan yang lebih terangkum dengan merangka dan menilai semula penjagaan sebagai barang awam, menerima pakai pendekatan kitaran hayat untuk penjagaan di samping memastikan semua kumpulan pendapatan mempunyai akses kepada garis asas penjagaan sosial.
- Pada saat ini, pelaburan dan penglibatan awam untuk menetapkan asas-asas ekonomi penjagaan dari buaian hingga ke liang lahad adalah menjadi satu keperluan. Perkara ini memerlukan empat hala tuju dasar yang penting seperti menyepakukan penjagaan sosial dalam rangka kerja perlindungan sosial, membuat pelaburan dalam infrastruktur dan perkhidmatan penjagaan berdasarkan komuniti, mewujudkan hala tuju dasar dan struktur tadbir urus yang sepadan, serta memperkenalkan pendekatan sistem yang bersifat peka gender dan berpusatkan penjagaan.

Glosari

- **Kerja penjagaan:** Merangkumi 1) penjagaan langsung yang bersifat peribadi dan mempunyai hubungan seperti penjagaan anak-anak, pasangan dan saudara-mara yang sakit, dan 2) penjagaan tidak langsung seperti memasak dan aktiviti pembersihan.¹
- **Ekonomi penjagaan:** Terdiri daripada kerja-kerja produktif sama ada melalui tenaga buruh bergaji atau tidak dan perkhidmatan yang menyokong semua bentuk aktiviti penjagaan terutamanya kumpulan rentan seperti kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan orang sakit.
- **Buaian ke liang lahad:** Merujuk kepada pendekatan kitaran hayat untuk ekonomi penjagaan meliputi spektrum daripada perkhidmatan penjagaan kanak-kanak sehingga warga emas.
- **Penjagaan sosial:** Merujuk kepada semua bentuk penjagaan peribadi dan bantuan kepada kumpulan rentan seperti kanak-kanak, remaja dan orang dewasa yang memerlukan bantuan. Penjagaan sosial bermatlamat untuk meningkatkan kualiti kehidupan melalui sokongan dalam aktiviti harian yang disediakan oleh seorang penjaga. Ia berbeza dengan penjagaan kesihatan yang bertujuan untuk menambah baik status kesihatan melalui perkhidmatan yang disediakan oleh ahli penjagaan kesihatan.²
- **Penjaga tidak formal:** Merupakan individu yang kebiasaannya terdiri daripada anggota keluarga atau rakan-rakan yang menyediakan perkhidmatan penjagaan tidak bergaji tanpa melalui latihan formal atau upah.³

1 Pengenalan dan kes penjagaan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi

Pelaburan dalam ekonomi penjagaan di Malaysia adalah antara keutamaan dasar negara yang amat penting dalam tempoh dekad yang akan datang. Malaysia sudah mengalami perubahan demografi yang pesat dengan unjuran menunjukkan negara ini akan menjadi negara menua menjelang 2030 kesan daripada penurunan kadar kesuburan.⁴ Peralihan demografi ini dijangka akan meningkatkan nisbah tanggungan umur tua dan pada masa yang sama, mengurangkan perkadaruan populasi penduduk umur bekerja.⁵ Serentak dengan situasi ini juga, perkembangan struktur keluarga dan kemerosotan isi rumah berbilang generasi membawa kepada lebih ramai orang yang tinggal berasingan daripada keluarga mereka.⁶

Peralihan sosioekonomi dan demografi ini menyorot suatu lonjakan terhadap keperluan penjagaan yang dijangka akan menumbuh pada dekad yang akan datang ketika Malaysia mengharungi peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi.⁷ Walau bagaimanapun, infrastruktur penjagaan semasa, sama ada dalam bentuk formal atau tidak formal, adalah tidak mencukupi dari sudut kemampuan, kebolehcapaian dan kualiti untuk memenuhi permintaan yang sedang menumbuh untuk aktiviti penjagaan lantas. Oleh sebab itu, ia mencipta satu “jurang penjagaan” yang melebar dan mempunyai kesan yang meluas kepada fabrik sosioekonomi.

Sekiranya jurang penjagaan ini melebar tanpa kawalan, ahli keluarga terutamanya wanita yang akan menanggung akibatnya.⁸ Tanpa pelaburan yang lebih besar dalam ekonomi penjagaan, beban tanggungjawab penjagaan akan terus diletakkan kebanyakannya kepada ahli keluarga dan penjaga tidak formal. Keadaan ini akan memburukkan lagi beban aktiviti penjagaan dan kerja domestik tidak bergaji yang tinggi oleh wanita di Malaysia.⁹

Bagi tempoh jangka pendek, ini bererti wanita perlu memperuntukkan masa daripada pekerjaan formal kepada aktiviti penjagaan yang akan membawa kepada pengurangan penyertaan dan intensiti kerja.¹⁰ Bagi tempoh jangka panjang pula, perkara ini berisiko untuk menghalang pengumpulan modalinsan dan pertumbuhan produktiviti tenaga buruh yang akan membantutkan usaha yang bertahun-tahun untuk menambah baik hasil ekonomi wanita. Oleh yang demikian, penjagaan adalah satu isu yang strategik berpusatkan kepada persoalan pembinaan negara bangsa, pembangunan ekonomi dan keterangkuman sosial.

Sememangnya kebanyakan kerja penjagaan pada masa ini disediakan secara tidak formal oleh ahli keluarga terutamanya wanita. Dalam tempoh seminggu, wanita dianggarkan menghabiskan sekurang-kurangnya tambahan 10 jam untuk kerja penjagaan berbanding lelaki.¹¹ Kerja penjagaan dan domestik ini lazimnya tidak diberi upah, dikecualikan daripada pengiraan KDNK dan tidak disertakan dengan perlindungan sosial dan pekerja yang diberikan kepada pekerja sepenuh masa.

Berdasarkan kaedah standard untuk menganggarkan nilai pasaran kerja domestik,¹² analisis kami menunjukkan bahawa jika kerja penjagaan tidak bergaji ini dihasilkan di rumah-rumah di Malaysia setiap hari dinilai dalam angka KDNK negara, nilai ekonomi yang bakal dijana adalah sebanyak RM379 bilion.¹³ Dalam hal ini, kerja penjagaan dan domestik menyumbang sekitar satu perlima daripada sektor perkhidmatan di samping pasaran perkhidmatan (Rajah 1). Apabila perkhidmatan ini dinilai secara kendiri sebagai satu subsektor, perkhidmatan ini akan membentuk sektor terbesar selepas subsektor pembuatan jika dinilai dalam KDNK (Rajah 2).

Rajah 1: Penilaian kerja penjagaan dan domestik tidak bergaji akan menyumbang sebanyak RM379 bilion kepada KDNK Malaysia

Kerja penjagaan dan domestik tidak bergaji v KDNK mengikut sektor dalam RM bilion



Rajah 2: Kerja penjagaan dan domestik tidak bergaji adalah sektor ekonomi kedua terbesar selepas pembuatan

Kerja penjagaan dan domestik tidak bergaji sebagai subsektor tersendiri (peratusan daripada KDNK)



Sumber: Anggaran dari penulis berdasarkan data dari Indeed14, Jabatan Perangkaan Malaysia¹⁵, Institut Penyelidikan Khazanah¹⁶

Nota: KPD= Kerja Penjagaan dan Domestik tidak bergaji. Angka KDNK adalah dalam harga semasa berdasarkan unit mata wang tempatan. Rujuk Appendiks Teknikal A untuk perincian anggaran ini.

Anggaran kami menggariskan potensi hasil daripada penilaian kerja penjagaan daripada rakyat Malaysia yang ingin bekerja tetapi terhalang kerana tanggungjawab kepada keluarga dan aktiviti penjagaan. Pada tahun 2022, lebih daripada 3.1 juta orang kekal di luar tenaga buruh kerana kewajipan kepada keluarga dan kerja-kerja rumah serta seramai 21,100 kekal dalam pekerjaan sambilan atas sebab yang sama.¹⁷ Kedua-dua angka ini apabila ditambah mewakili sekitar 3.2 juta rakyat Malaysia yang terpaksa mengurangkan waktu kerja atau tercicir daripada tenaga buruh disebabkan kewajipan kerja domestik dan 98% daripada jumlah tersebut adalah wanita (Rajah 3).

Kami menganggarkan bahawa kesan langsung potensi hasil pasaran daripada 3.2 juta pekerja kepada nilai ekonomi sekiranya mereka dilibatkan sepenuhnya dalam pekerjaan bergaji atau beralih daripada pekerjaan sambilan kepada sepenuh masa adalah sekitar RM77.2 bilion setiap tahun.¹⁸ Nilai ini akan menambah sebanyak 4.9 mata peratusan dalam KDNK bagi tahun 2022 (Rajah 4). Tambahan pula, memandangkan kebanyakan daripada 3.2 juta pekerja ini adalah wanita, perkara ini dijangka dapat meningkatkan penyertaan tenaga buruh wanita daripada 56% pada tahun 2022 kepada 83% lantas memberi kesan yang efektif bagi menutup jurang penyertaan tenaga kerja antara wanita dan lelaki melebihi sasaran semasa Malaysia iaitu sebanyak 60%. Anggaran ini mewakili suatu potensi untuk mengalah keluar halangan untuk bekerja disebabkan kewajipan penjagaan dan domestik, memberikan semula kebebasan dan pilihan kepada jutaan pekerja untuk terlibat dalam pasaran tenaga buruh.

Rajah 3: Sekitar 3.2 juta individu berada di luar tenaga buruh dan kerja sambilan kerana tanggungjawab penjagaan

Bilangan individu di luar tenaga buruh atau kerja sambilan disebabkan tanggungjawab penjagaan




Sumber: Unjuran daripada penulis berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia¹⁹

Nota: Kerja sambilan didefinisikan sebagai pekerjaan kurang daripada 30 jam. Rujuk Apendiks Teknikal B untuk perincian lajur berkaitan anggaran ini.

Rajah 4: Potensi hasil yang besar terhadap pertumbuhan dan pekerjaan apabila kekangan bekalan buruh dikurangkan

Unjuran keuntungan dalam perubahan peratus daripada tahun 2022



Anggaran ini tidak mengambil kira geseran pasaran buruh jangka pendek dan perubahan kepada struktur tenaga buruh. Ini juga tidak mengambil kira kesan kebijakan yang akan timbul daripada peralihan penghasilan di rumah kepada pasaran perkhidmatan. Anggaran ini juga hanya memberi fokus semata-mata kepada kesan langsung akan potensi hasil pasaran dan mengecualikan faedah tidak langsung daripada pasaran buruh yang lebih kukuh dan potensi pembangunan modal ihsan.

Namun, anggaran awal ini memberi suatu gambaran yang menyimpulkan bahawa sekiranya perubahan dasar untuk pelaburan awam bagi penjagaan ini tidak wujud, Malaysia akan kehilangan hasil yang penting dalam pertumbuhan ekonomi dan kesaksamaan gender. Malaysia juga akan terus berdepan dengan jurang penjagaan yang semakin melebar. Perkara ini akan menjadi suatu bentuk halangan yang berterusan kepada penentuan nasib jutaan rakyat Malaysia dan mengehadkan pilihan mereka. Hal ini demikian kerana, beban tanggungjawab penjagaan yang dipikul oleh mereka menjadi salah satu faktor dalam menawarkan tenaga buruh mereka kepada pasaran.

Ketika ini, kepentingan untuk pelaburan awam yang lebih besar dalam ekonomi penjagaan di Malaysia adalah mustahak kerana kerja penjagaan sama ada bergaji atau tidak, membolehkan kewujudan semua bentuk kerja dalam masyarakat moden.²⁰ Kerja penjagaan bukan sahaja memberi faedah yang terkumpul kepada pengguna langsung aktiviti penjagaan seperti isi rumah, keluarga dan tanggungan tetapi juga mencipta kesan luaran positif yang meluas dan memberi manfaat kepada ekonomi dan masyarakat. Penyediaan perkhidmatan penjagaan yang lebih baik juga seterusnya akan meningkatkan pertumbuhan dan produktiviti. Pada masa yang sama, perkara ini menggalakkan kepada kesaksamaan yang lebih baik.²¹ Memperluaskan pelaburan awam dalam menutup jurang penjagaan juga membolehkan jutaan rakyat Malaysia dan keluarga mereka untuk membuat pilihan dalam mencorakkan hasil sosioekonomi mereka yang diingini. Oleh itu, Malaysia akan mendapat faedah daripada pembinaan ekonomi penjagaan dari buaian ke liang lahad dengan mengenal pasti dan bertindak balas terhadap keperluan penjagaan rentas spektrum daripada penjagaan kanak-kanak hingga ke warga emas.

2 Kekurangan dasar

Penjagaan harus diiktiraf sebagai isu strategik yang tidak hanya berpusat kepada kehidupan seharian tetapi juga kesejahteraan sosial dan pembangunan kebangsaan. Bagi mencapai perkara ini, pelbagai kekurangan dasar harus ditangani untuk memastikan penyelesaian yang bertindak balas dengan realiti yang dihadapi oleh wanita dan keluarga. Bahagian ini akan membentangkan penilaian terhadap kekurangan dasar sedia ada melalui pendekatan semasa terhadap penjagaan sosial terutamanya berkaitan dengan dua keperluan penjagaan utama iaitu kanak-kanak dan warga emas.

2.1 Kebergantungan yang tinggi terhadap penjagaan tidak formal

Kerja penjagaan yang dijalankan secara tidak formal di Malaysia seringkali tidak bergaji atau dibayar gaji yang tidak setimpal, lazimnya dijalankan oleh ahli keluarga wanita. Ini adalah suatu hakikat yang berlaku sama ada bagi penjagaan warga emas dan kanak-kanak.

Dalam menyentuh isu penjagaan warga emas, kos yang tinggi untuk menggunakan perkhidmatan penjagaan yang formal ditambah pula dengan pandangan normatif berkaitan ketaatan seorang anak kepada ibu bapa menyebabkan keluarga dan masyarakat bertanggungjawab sepenuhnya

terhadap aktiviti penjagaan.²² Strategi Malaysia untuk penyediaan penjagaan warga emas menekankan peranan penjagaan dengan menggalakkan anak-anak yang telah dewasa untuk menjaga ahli keluarga yang telah berusia. Pelaburan awam dalam penjagaan sosial di Malaysia pula hanya memberi keutamaan kepada penyediaan perkhidmatan langsung melalui institusi penjagaan dan terhad kepada mereka yang masih terperangkap dengan kemiskinan dan geran kepada masyarakat sivil.²³

Oleh itu, penjagaan warga emas dilaksanakan oleh penjaga yang tidak formal dengan sedikit kebergantungan kepada penjagaan formal untuk keperluan kesihatan.²⁴ Apabila diperhatikan dengan lebih dekat, kebanyakannya penjaga tidak formal adalah wanita dalam lingkungan usia 36-59 tahun.²⁵ Ini menunjukkan bahawa penjaga tidak formal ini terus memberikan penjagaan sehingga usia tua. Walaupun sokongan antara generasi di Malaysia masih kuat,²⁶ model ini dilihat semakin lemah akibat migrasi bandar, cabaran kewangan dan perumahan yang tidak mencukupi.²⁷ In Malaysia focuses primarily on direct service provision through institutional care, restricted to those who are poverty-stricken, alongside grants for civil society.²⁸

Semakin rakyat Malaysia meningkat usia, keperluan penjagaan tidak hanya berkembang tetapi juga menjadi lebih rumit kerana warga emas memerlukan penjagaan yang lebih khusus seiring dengan keadaan status kesihatan mereka. Majoriti daripada penjaga warga emas berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi menghidap sekurang-kurangnya satu penyakit dan tidak mempunyai latihan yang cukup untuk memenuhi keperluan penjagaan yang rumit.²⁸

Begitu juga untuk penjagaan kanak-kanak. Hampir 99% daripada kanak-kanak berumur 3 tahun ke bawah dijaga secara tidak formal oleh ahli keluarga termasuk datuk dan nenek, pusat penjagaan kanak-kanak tidak berdaftar dan/atau apa-apa bentuk penjagaan yang tidak formal pada tahun 2018.²⁹ Peratusan kanak-kanak dalam sektor penjagaan formal kekal kecil dengan data pada tahun 2019 menunjukkan bahawa kadar pendaftaran kanak-kanak berusia 0-3 dan 4-6 tahun di pusat penjagaan kanak-kanak dan prasekolah yang formal tidak mencapai sasaran kerajaan.³⁰

Kebergantungan kepada penjagaan tidak formal ini mungkin terbukti tidak mampan dalam jangka panjang memandangkan beban penjagaan Malaysia merentasi spektrum dijangka akan meningkat.³¹ Hal ini demikian kerana apabila usia penjaga semakin meningkat manakala bilangan ahli keluarga yang boleh dipercayai untuk menjalankan aktiviti penjagaan semakin berkurangan. Ini berlaku di samping proses pembandaran dan keadaan perumahan yang menghakis kehidupan berbilang keluarga tinggal bersama. Jika rakyat Malaysia mahu terus bergantung kepada penjaga tidak formal sebagai tulang belakang ekonomi penjagaan, perkara ini memerlukan sokongan awam yang lebih bersasar, memandangkan kos penjagaan yang ditanggung oleh penjaga tidak formal adalah melalui kehilangan pendapatan, pencen dan kemajuan kerjaya.

Kotak artikel 1: Kesejahteraan warga emas di Malaysia – bukti daripada Tinjauan terhadap Penuaan dan Persaraan Malaysia (MARS)

Oleh Prof Datuk Dr Norma Mansor

Kesihatan warga emas di Malaysia sangat dipengaruhi oleh sokongan yang diberikan oleh keluarga dan masyarakat. Tinjauan terhadap Penuaan dan Persaraan Malaysia (MARS) telah dijalankan di seluruh negara untuk mengesan keseluruhan aspek kesejahteraan warga emas dan memahami pelbagai aspek penuaan, persaraan dan cabaran berkaitan dalam konteks rakyat Malaysia.

Secara keseluruhannya, responden di Malaysia melaporkan kesejahteraan yang positif. Lebih daripada 70% daripada jumlah 2,137 responden yang berusia 60 tahun dan ke atas melaporkan bahawa mereka merasa cukup dan gembira dengan kehidupan mereka menunjukkan secara umumnya keadaan emosi yang positif. Tambahan pula, majoriti daripada mereka melaporkan sedang menjalani kehidupan yang bermakna dan bermatlamat. Apabila diteliti dengan lebih mendalam, terdapat faktor penting yang menentukan kesejahteraan warga emas di Malaysia yang memerlukan pertimbangan dalam dasar ekonomi penjagaan. Perkara ini termasuk:

Susun atur kehidupan antara generasi dan sokongan keluarga: Sokongan keluarga dan hubungan masyarakat yang kuat adalah faktor penting untuk kesejahteraan warga emas. Tinjauan mendapati faktor utama hubungan sosial adalah kebanyakan responden warga emas tinggal dalam isi rumah yang mempunyai tiga generasi termasuk responden sendiri, anak-anak yang dewasa serta cucu dan ibu bapa mereka. Kira-kira 17% tinggal bersama pasangan mereka sahaja manakala (6%) tinggal bersendirian. 57% daripada responden pula dijaga oleh anak-anak mereka yang sudah dewasa manakala 32% melihat pasangan mereka sebagai penjaga utama pada waktu usia tua. Pada masa yang sama, responden juga menyatakan anak-anak yang sudah dewasa adalah diharap untuk menemani mereka untuk rawatan pesakit luar (39%) dan kemasukan ke hospital (44%). Tuntasnya, rakyat Malaysia mempunyai kecenderungan yang kuat (89%) terhadap penjagaan dan sokongan keluarga. Bukti ini menekankan kepentingan untuk memperkasakan keluarga sebagai pilihan dasar utama.

Menua di rumah sendiri: Responden yang lebih tua menunjukkan kecenderungan untuk menghabiskan sisa usia emas mereka di rumah mereka sendiri. Hanya peratusan kecil (16%) bersedia untuk tinggal di tempat yang menyediakan kemudahan bantuan. Sebilangan besar pula (87%) melaporkan bahawa mereka bersedia untuk menjaga kesihatan mereka sendiri. Namun, mereka masih memerlukan sokongan di dalam rumah mereka sendiri untuk memastikan keselamatan dan bantuan dalam aktiviti harian sebagaimana yang telah ditunjukkan oleh 69% responden yang menyatakan kebimbangan sekiranya mereka terjatuh. Peratusan yang lebih kecil iaitu 15% menyatakan perasaan tidak berdaya dan mempunyai cabaran dalam menyelesaikan masalah. Kira-kira 64% bersetuju bahawa mereka memerlukan penjagaan jangka panjang. Bagi mereka yang menghidapi penyakit tidak berjangkit (NCD) yang mengehadkan aktiviti harian mereka, angka ini adalah sedikit tinggi iaitu sekitar 71%. Oleh itu, bantuan luar yang disediakan oleh pekerja sosial terlatih di samping perkerja sosial penjagaan di rumah adalah penyelesaian penting untuk membantu warga emas untuk tinggal di rumah mereka sendiri untuk penjagaan kendiri, kerja rumah dan sokongan emosi.

Keadaan kesihatan: Berdasarkan pernyataan responden akan status kesihatan mereka sendiri, 40% daripada mereka merasakan bahawa mereka berada dalam keadaan sihat. Walau bagaimanapun, sebahagian daripada mereka yang didiagnosis dengan sekurang-kurangnya satu NCD adalah tinggi (72%). Berdasarkan peratusan ini, sekurang-kurangnya 32% responden mengaku bahawa menghidap NCD yang mengehadkan aktiviti harian mereka. Kurang separuh daripada responden (49%) menyertai senaman fizikal manakala 14% lagi mempunyai kesukaran dalam aktiviti kehidupan harian (ADL). Secara keseluruhannya, risiko kesihatan ini menimbulkan keimbangan dalam bentuk pelbagai aspek berkaitan umur panjang yang memberi kesan kepada pengalaman penuaan. Oleh yang demikian, Malaysia perlu mempertimbangkan titik persilangan antara penjagaan kesihatan dan sosial untuk menangani kesejahteraan warga emas secara menyeluruh.

Dapatan tinjauan MARS ini menunjukkan suatu kepentingan untuk Malaysia menggabungkan aspek penuaan sebagai agenda pembangunan. Ini selaras dengan rangka kerja Ekonomi Madani yang memberi fokus kepada pembangunan dan produktiviti negara yang perlu disandarkan dengan parameter baharu berdasarkan cabaran berkembar iaitu penduduk berusia atau menua dan penguncupan tenaga kerja.

Mengenai MARS: MARS telah dijalankan di seluruh negara untuk memahami dan menjelaki keseluruhan aspek kesejahteraan warga emas. Gelombang 1 telah dijalankan pada 2018/2019 dan sebahagian besar daripada mereka telah ditemui bual semula pada 2021/2022 – 5,613 dan 4,821 responden yang berusia 40 tahun dan ke atas telah mengambil bahagian dalam kajian longitudinal ini.

2.2 Ketiadaan penjagaan sosial dalam rangka kerja perlindungan sosial

Terdapat jurang penjagaan sosial dalam rangka kerja perlindungan sosial di Malaysia. Pada masa ini, rangka kerja boleh disusun berdasarkan tiga teras: (1) jaringan keselamatan sosial yang bertujuan untuk membasi kemiskinan; (2) insurans sosial bagi tujuan penggantian pendapatan; dan (3) dasar pasaran buruh (Rajah 5).³⁴

Ketiga-tiga teras ini mempunyai fungsi perlindungan, pencegahan dan galakan. Rangka kerja semasa berkisar pada pekerjaan formal dengan mekanisme bantuan dan insurans sosial disesuaikan dengan model ujian pendapatan berdasarkan keperluan yang menentukan siapa yang layak untuk menerima sokongan termasuk penjagaan kesihatan tidak berbayar untuk warga emas melalui sistem kesihatan awam.³⁵ Namun, sekalipun sistem penjagaan kesihatan yang dibiayai melalui cukai ini dilihat berpatutan dan cekap untuk penjagaan perubatan warga emas, sistem ini mempunyai kekurangan dari sudut penjagaan sosial.³⁶ Ketiadaan penjagaan sosial bererti wanita dan keluarga berpendapatan rendah tidak selalunya mempunyai akses kepada penjagaan memandangkan liputan penjagaan sosial awam ini juga adalah rendah.

Menyedari akan perkara ini, Malaysia telah membuat kemajuan dalam mengiktiraf kerja penjagaan tanpa gaji dengan meluaskan jaringan keselamatan sosial kepada suri rumah melalui i-Suri dan i-Sayang di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Inisiatif i-Suri dan i-Sayang menawarkan insentif bersifat kewangan kepada suri rumah dan wanita yang menjadi ketua isi rumah berdasarkan caruman mereka dan membenarkan suami untuk memindahkan sebahagian

daripada caruman KWSP kepada akaun isteri masing-masing. Sementara itu, Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah memberi perlindungan keselamatan sosial kepada suri rumah daripada sebarang kemalangan atau keilatan. Walaupun begitu, insentif ini tidak memberi pampasan sepenuhnya kepada penjaga tidak formal untuk kerugian yang ditanggung akibat pengangguran dan penurunan pendapatan yang menyasarkan kepada wanita sahaja dengan pengecualian i-Sayang yang baru sahaja dikembangkan kepada suri rumah lelaki. Oleh itu, keadaan ini mengehadkan kemungkinan lelaki untuk mengambil peranan sebagai penjaga tidak formal.³⁷

Melangkah ke hadapan, penyepaduan penjagaan sosial sebagai teras keempat dalam rangka kerja perlindungan sosial adalah penting untuk memenuhi permintaan yang meningkat untuk perkhidmatan penjagaan di Malaysia secara saksama (Rajah 5) bahkan dengan memasukkan penjagaan sosial ke dalam perlindungan sosial boleh bertindak untuk memenuhi tiga fungsi iaitu perlindungan, pencegahan dan galakan. Melalui proses menghubungkan perlindungan sosial dengan akses kepada perkhidmatan penjagaan sosial yang diperluaskan, perkara ini akan memastikan keperluan penjagaan asas dipenuhi. Sekiranya perkara ini berkesan, ia akan menggalakkan peluang ekonomi kepada penjaga tidak formal dengan memudahkan kemasukan ke dalam pasaran buruh.

Rajah 5: Jurang sosial dalam rangka kerja perlindungan sosial di Malaysia



Sumber: Di ambil dari Social Wellbeing Research Centre's National Social Wellbeing Blueprint³⁸ dan Bank Negara Malaysia's Economic and Monetary Review 2020³⁹

2.3 Kekurangan kepelbagaian dan pengkhususan dalam perkhidmatan penjagaan sosial untuk memenuhi pilihan penjagaan

Terdapat keperluan untuk konfigurasi penjagaan sosial yang lebih luas untuk kanak-kanak dan warga emas di Malaysia selaras dengan pilihan penjagaan dan susun atur kerja keluar yang berbeza.

Warga emas di Malaysia menunjukkan kecenderungan budaya yang kuat untuk menua di rumah sendiri dan dalam masyarakat. Ini bertentangan dengan perkhidmatan penjagaan sosial awam yang sedia ada apabila perkhidmatan semasa memberi fokus kepada institusi penjagaan yang direka untuk menyediakan perkhidmatan kepada warga emas yang sangat terdedah dan tidak mendapat sokongan keluarga serta sumber kewangan yang cukup.⁴⁰ Walaupun terdapat perkhidmatan sokongan awam dan pusat penjagaan sementara yang tersedia apabila ahli keluarga yang menjadi penjaga ini tidak mempunyai kelapangan,⁴¹ bilangan penerima bagi program ini adalah kecil. Keseluruhananya, perkhidmatan penjagaan sosial awam memfokuskan kepada penyediaan penjagaan kepada warga emas secara individu dan kurang memberi tumpuan kepada menangani isu penjagaan jangka panjang secara sistematis.⁴² Oleh itu, terdapat ketidakpadanan antara pilihan penjagaan oleh warga emas dengan perkhidmatan penjagaan sosial awam yang tersedia.

Perkhidmatan penjagaan swasta pula menawarkan konfigurasi penjagaan sosial yang lebih luas melangkaui institusi penjagaan awam yang sudah tentunya dapat menyambut permintaan ini. Namun, memandangkan penjagaan warga emas ini memerlukan sumber yang intensif, perkhidmatan swasta ini hanya boleh diakses oleh mereka yang berkemampuan menyebabkan liputan penjagaan itu adalah rendah dan tidak sama.⁴³ Maka, kewujudan pelbagai infrastruktur untuk penjagaan yang bukan sahaja bertindak balas terhadap keperluan penjagaan tetapi juga berpatutan adalah sangat penting.

Sementara itu, bagi penjagaan kanak-kanak, terdapat ketidakpadanan antara permintaan ibu bapa dengan permintaan yang tersedia. Hanya satu daripada 10 pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar dinsenaraikan sebagai “pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja”,⁴⁴ sekalipun ibu bapa memilih pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja sebagai keutamaan untuk pengaturan penjagaan kanak-kanak.⁴⁵ Majoriti pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja ditempatkan di institusi sektor awam dan syarikat multinasional⁴⁶ menyebabkan pusat-pusat ini tidak boleh diakses oleh hampir separuh daripada semua pekerja rakyat Malaysia.⁴⁷ Meskipun kerajaan telah melakukan banyak percubaan untuk menggalakkan penubuhan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja melalui penyediaan insentif seperti pelepasan cukai, perkara ini tidak membawa ke arah peningkatan jumlah pusat jagaan kanak-kanak tempat kerja yang signifikan. Dalam hal ini, majikan menyuarakan sumber dan kos adalah halangan utama yang menjadikan perkara ini suatu kekangan dalam kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).⁴⁸

2.4 Jurang dalam perundangan yang mentadbir isu penjagaan dan proses memahirkan tenaga kerja penjagaan

Malaysia tidak mempunyai perundangan dan dasar yang disatukan berkenaan ekonomi penjagaan serta rangka kerja kawal selia untuk mengekalkan tenaga kerja penjagaan sosial yang berkelayakan tinggi dalam jangka panjang. Jurang dalam perundangan dan dasar ini perlu ditangani untuk membina asas ekonomi penjagaan yang diperlukan dan memastikan tenaga kerja yang terlatih dapat memenuhi keperluan penjagaan.

Walaupun terdapat undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan ekonomi penjagaan tetapi perundangan tersebut adalah terpecah merentasi pelbagai akta dan dasar. Tiga undang-undang yang paling relevan yang mengawal selia perkhidmatan penyediaan penjagaan adalah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984, Akta Pusat Jagaan 1993 dan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018. Ini adalah rangka kerja kawal selia yang menyatakan piawaian minimum penjagaan yang merangkumi isu seperti pendaftaran, perlesanan, kawalan serta pemeriksaan pusat jagaan yang amat penting dalam mengawal kualiti pusat jagaan formal.

Malaysia juga telah menggariskan hala tuju dasar terutama untuk warga emas melalui rangka tindak seperti Dasar Warga Emas Negara 2011 di bawah KPWK dan Dasar Kesihatan Warga Emas Negara 2008 di bawah Kementerian Kesihatan (KKM). Kedua-dua dasar ini mengandungi strategi untuk menangani isu kesejahteraan warga emas. Rang Undang-undang (RUU) Warga Emas dan RUU Profesional Kerja Sosial yang sedang dirangka juga akan relevan.

Sementara itu, apabila bercakap tentang soal penjagaan kanak-kanak, piawaian kawal selia yang dipandu oleh prinsip antarabangsa adalah berakar daripada Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC). Namun, perundangan dan dasar sedia ada mempunyai kekurangan dari sudut pendekatan dari buaian ke liang lahad yang mengiktiraf keperluan penjagaan merentas kitaran hayat. Maka, dalam usaha untuk memformalkan komitmen Malaysia bagi membina ekonomi penjagaan dari buaian ke liang lahad, negara ini perlu memperkemaskan perundangan dan strategi untuk menangani ekonomi penjagaan secara agregat, menggariskan strategi untuk penglibatan dan pelaburan negara serta rangka kerja kawal selia yang terpakai rentas perkhidmatan penjagaan sosial awam dan swasta.

Selanjutnya, perundangan atau dasar untuk memprofessionalkan kerja penjagaan sosial adalah tidak konsisten. Dasar penjagaan kanak-kanak yang menyokong pekerja penjagaan melalui pembinaan rangkaian, memudahcaraikan latihan kemahiran dan sokongan rakan sebaya juga dilihat tidak wujud.⁴⁹ Ini amat penting kerana pekerja penjagaan sosial adalah secara umumnya dilihat terlibat dalam kerja berkemahiran rendah. Mereka melaporkan bahawa mereka dibayar dengan gaji yang rendah, kerja lebih masa dengan pilihan yang terhad untuk kemajuan kerjaya⁵⁰ yang menjelaskan bekalan buruh untuk tenaga kerja penjagaan.

Memprofessionalkan kerja penjagaan sosial bererti mengawal selia dan mendaftar pekerja penjagaan sosial, menaikkan dan memperkemaskan kelayakan formal, menyediakan peluang untuk latihan dan menggariskan terma dan syarat kerja penjagaan sosial dengan lebih jelas di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di Jabatan Kebajikan Masyarakat.⁵¹ Ini adalah suatu jalan ke arah pemberian nilai terhadap kerja penjagaan sosial dan mengiktiraf kerja ini sebagai suatu bentuk profesi yang tersendiri. Dalam hal ini, Rang Undang-undang Profesional Kerja Sosial yang bertujuan untuk memprofessionalkan kerja sosial adalah suatu contoh tindakan perundangan yang baik dan merupakan langkah pertama yang harus diterima pakai oleh pekerja penjagaan sosial.⁵²

Kotak artikel 2: Perspektif pekerja sosial: Apakah erti Rang Undang-undang (RUU) Profesional Kerja Sosial kepada Ekonomi Penjagaan?

Oleh Dr Teoh Ai Hua

Pekerja sosial adalah antara kumpulan pekerjaan professional yang menjadi pusat kepada ekonomi penjagaan yang berfungsi. Memandangkan penjagaan adalah teras yang paling akar dalam perkhidmatan sosial, pekerja sosial memainkan peranan penting dalam konteks pelaksanaannya. Malah, pekerja sosial memainkan peranan pelengkap kepada pekerja penjagaan dan perlu dipertimbangkan sebagai komponen utama dalam ekosistem penjagaan. Berbanding pekerja penjagaan yang kebiasaannya terlibat secara langsung dengan pelanggan dalam aktiviti harian dan penjagaan diri, pekerja sosial terlibat dengan sistem kebijakan untuk melaksanakan perubahan yang lebih luas.

Dalam hal ini, pekerja sosial bukan sahaja dilatih untuk bekerja dengan individu rentan, keluarga dan kumpulan yang terpinggir, mereka juga menjadi penghubung antara agensi kerajaan, masyarakat sivil dan entiti perniagaan dengan matlamat untuk meningkatkan kesejahteraan sosial. Oleh itu, pekerja sosial yang berkelayakan dilengkapi dengan kemahiran untuk menangani situasi yang rumit seperti penderaan dan pengabaian kanak-kanak, keganasan rumah tangga, kesihatan dan krisis kesihatan mental. Mereka juga menjalankan penilaian keperluan dan risiko untuk warga emas dan individu yang mempunyai isu kebergantungan jangka panjang dan merangka pelan yang sepadan dengan isu tersebut.

Oleh yang demikian, terdapat gerakan untuk memprofesionalkan kerja sosial di Malaysia sejak 2010 dengan kemuncak kepada usaha ini diterjemahkan melalui RUU Profesional Kerja Sosial. Namun, RUU ini yang bertujuan untuk mengiktiraf dan mengawal selia kerja sosial masih belum dibentangkan di Parlimen dengan penangguhan yang berlarutan sejak penggubalannya. Sekiranya RUU ini diluluskan, perkara ini akan menjadi asas perundangan yang dapat menyumbang kepada ekonomi penjagaan yang berfungsi di Malaysia.

RUU ini penting kerana sektor kebijakan sosial yang merangkumi penjagaan sosial kekal dengan kawal selia yang paling rendah di Malaysia berbanding dengan sektor lain seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan. Perkara ini adalah benar dan dapat dilihat dalam konteks kelayakan dan latihan tenaga kerja kebijakan sosial. Perundangan seperti Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Akta Pusat Jagaan 1993 tidak menetapkan piawaian kelayakan untuk tenaga kerja kecuali pengasuh yang memerlukan kelayakan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA (KAP). Malah, JKM sebagai pihak berkuasa utama belum lagi menguatkuasakan kelayakan ini secara ketat memandangkan masih banyak pusat dan penyediaan jagaan kanak-kanak tidak berdaftar tanpa kelayakan minimum. Walaupun begitu, keperluan ini tetap dilihat ketinggalan sekiranya dibandingkan dengan piawaian professional untuk pekerja dalam sektor kesihatan dan pendidikan.

Lebih membimbangkan, kelayakan untuk pekerja penjagaan sosial untuk warga emas, orang kurang upaya dan kanak-kanak rentan tidak dikawal. Ini bermakna tiada piawaian atau kelayakan minimum dan akan menimbulkan keimbangan terhadap kualiti penjagaan dan berisiko untuk mengambil pekerja yang tidak berkelayakan hanya untuk mengurangkan kos.

Sebaliknya, kerja sosial adalah antara yang paling terkehadapan dari segi pengajian tinggi. Terdapat 10 institusi pengajian tinggi yang menyediakan pendidikan kerja sosial peringkat diploma dan ijazah sarjana muda. Bagi pendidikan lepasan ijazah pula, sekurang-kurangnya tiga universiti awam dan/atau universiti swasta menawarkan kerja sosial di peringkat ijazah sarjana dan bidang ini juga ditawarkan di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di tujuh universiti awam. Berdasarkan kepada perkara ini, pengawalseliaan kerja sosial melalui RUU Profesional Kerja Sosial akan menjadi lebih mudah berbanding kumpulan pekerjaan lain dalam sistem kebijakan sosial yang lazimnya mempunyai kelayakan yang lebih rendah atau tidak mempunyai kursus yang relevan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi atau latihan.

RUU ini menjadi suatu langkah pertama yang cukup penting untuk memperkemaskan dan meningkatkan piawaian penjagaan. Bentuk perundangan yang sama yang memberi tumpuan kepada pekerja penjagaan sosial adalah sama penting untuk mewujudkan ekonomi penjagaan yang mempunyai tenaga kerja yang berkelayakan tinggi.

2.5 Persepsi bahawa kerja sosial adalah kebanyakannya isu wanita

Walaupun kerajaan mengiktiraf penjagaan sosial sebagai isu kepentingan negara, perkara ini kebiasaanya disantuni melalui perspektif gender yang sempit. Dalam perkara ini, KPWKM adalah satu-satunya kementerian yang melaksanakan dasar berkaitan penjagaan.⁵³ Dalam hal ini, penjagaan terikat dengan resapan faham gender dan ketaatan kepada keluarga mengakibatkan tahap pelaburan awam yang sederhana kerana penjagaan sosial dilihat sebagai tanggungjawab utama individu dan keluarga.⁵⁴ Walau bagaimanapun, menangani isu penjagaan sosial semata-mata sebagai isu wanita akan menjelaskan suatu hakikat bahawa untuk membina ekonomi penjagaan dari buaian ke liang lahad sebagai sumber pertumbuhan untuk Malaysia, perkara ini perlu ditangani melalui pendekatan pelbagai sektor rentas kementerian.⁵⁵

3 Mewujudkan visi ekonomi penjagaan dari buaian ke liang lahad untuk Malaysia


Malaysia sedang merangka dasar untuk membina ekonomi penjagaan. Oleh sebab itu, perkara yang amat penting untuk ditentukan adalah sejauh dan seluas mana ekonomi penjagaan itu perlu dibentuk. Bahagian ini memetakan visi untuk ekonomi penjagaan dengan melakukan perbandingan dengan negara lain dan menekankan prinsip panduan utama dalam menggubal ekonomi penjagaan dari buaian ke liang lahad yang saksama.

Pertama, penandaarasan dengan negara yang mempunyai norma budaya dan masyarakat yang sama adalah langkah penting kerana perkara ini membenarkan kita untuk meneliti kepelbagaiannya dasar sedia ada. Negara seperti Jepun, Korea Selatan dan Singapura mempunyai budaya yang sama yang menekankan kepada peranan keluarga dalam penyediaan penjagaan. Namun, negara-negara ini telah membina ekonomi penjagaan yang utuh dengan penglibatan kerajaan dalam pelbagai peringkat.

Pendekatan Jepun dan Korea Selatan menggabungkan beberapa alat dasar untuk memastikan penjagaan seperti skim perlindungan sosial untuk menyokong pasangan warga emas melalui perkhidmatan awam mahupun bersubsidi dan dalam masa yang sama mengekalkan penekanan sokongan keluarga dan penglibatan keluarga.⁵⁶ Kedua-dua negara ini mempunyai jaringan keselamatan sosial yang komprehensif untuk warga emas dan perkhidmatan penjagaan awam⁵⁷ di samping industri penjagaan swasta yang berkembang maju.⁵⁸ Sementara itu, Singapura terus mengekalkan keluarga sebagai barisan sokongan pertama terutamanya bagi tujuan penjagaan warga emas⁵⁹ dan faedahnya disasarkan terutamanya kepada kumpulan berpendapatan rendah. Model ini menggunakan pelbagai alat dasar seperti subsidi, penyediaan perkhidmatan secara langsung dan perlindungan sosial melalui insurans penjagaan jangka panjang (LTCI).

Model penjagaan Scandinavia pula adalah berdasarkan prinsip universalisme. Di negara ini, perkhidmatan penjagaan sosial tersedia dan dapat diakses secara meluas dan dibentuk untuk bersifat peka gender, digunakan oleh semua kelas sosioekonomi dan dikendalikan oleh pihak berkuasa tempatan.⁶⁰ Model ini dilihat sebagai suatu model penyediaan garis asas penjagaan yang paling komprehensif.

Oleh itu, kesemua model penjagaan ini menjadi suatu titik rujukan yang berguna untuk Malaysia dalam merangka ekonomi penjagaannya yang dapat diakses dan saksama. Rajah 6 menerangkan kedudukan ketiga-tiga negara ini dalam konteks penglibatan negara dalam penjagaan sosial melalui keluarga/masyarakat dengan negara-negara Scandinavia yang menunjukkan tahap penglibatan kerajaan yang tertinggi sebagai penyedia perkhidmatan langsung, manakala Singapura pula berada pada kedudukan yang menunjukkan penglibatan yang lebih tinggi oleh keluarga dan masyarakat. Sekalipun contoh-contoh yang dinyatakan ini mewakili negara berpendapatan tinggi yang mempunyai model penjagaan yang menjadi aspirasi kepada negara berpendapatan sederhana seperti Malaysia, pelajaran daripada dasar daripada negara-negara ini menunjukkan keperluan untuk negara yang kurang membangun untuk mempertingkatkan faedah-faedah dari semasa ke semasa. Ini patut bermula dengan pakej faedah yang kecil dan berdasarkan ujian keupayaan (means-tested) dan boleh dikembangkan saat pembiayaan menjadi lebih mudah diakses.⁶¹

Rajah 6: Model penjagaan negara lain

Sumber: Penulis

3.1 Menanggapi penjagaan sebagai barang awam

Semakin bertambah tahun-tahun di Malaysia, pendekatan ekonomi penjagaan yang melibatkan penyusunan semula penjagaan sosial sebagai barang awam untuk memastikan kemampuan dan kebolehcapaian oleh semua kumpulan pendapatan adalah penting.

Jurang penjagaan di Malaysia ini sebahagian besarnya menunjukkan terdapat kekurangan penglibatan dan pelaburan awam setelah sekian lama. Tahap penyertaan dan pelaburan negara yang rendah menggariskan pendekatan Malaysia terhadap kebijakan sosial dengan kerajaan yang dilihat mengambil “peranan berbaki” (residual role).⁶² Apabila dibandingkan dengan domain seperti penjagaan kesihatan dan pendidikan, perkhidmatan kebijakan sosial yang berkaitan dengan penjagaan dilihat sebagai salah satu sistem sokongan negara yang paling tidak mencukupi.⁶³ Perbelanjaan untuk kesihatan dan pendidikan di Malaysia sudah pun berada pada tahap yang rendah⁶⁴ tetapi masih dikira 1.5 kali ganda dan dua kali ganda lebih tinggi daripada peruntukan perbelanjaan untuk penjagaan sosial.

Oleh itu, penjagaan sosial telah diturunkan kepada tiga segmen: penswastaan kepada keluarga melalui penekanan akan penjagaan tidak formal, sokongan oleh sektor sukarelawan (sebagai contoh organisasi masyarakat sivil), dan peningkatan perkara ini dalam pasaran. Tahap

penglibatan negara yang rendah sejajar dengan peralihan hasrat kerajaan daripada memainkan peranan sebagai “pembekal dan penyedia” kepada “pembeli dan pengawal selia”.⁶⁵

Kesannya, ekonomi penjagaan berkembang dengan lebih cekap dalam sektor swasta sepertimana yang dibuktikan oleh deretan perkhidmatan yang tersedia. Namun, meskipun sektor penjagaan sosial swasta adalah teras penting dalam ekonomi penjagaan, perkara ini tidak cukup untuk memenuhi keperluan penjagaan di Malaysia yang semakin meningkat dan juga tidak boleh diakses secara meluas oleh golongan berpendapatan rendah dan kumpulan rentan.⁶⁶ Sifat penjagaan sebagai barang awam bererti kuasa pasaran cenderung untuk membuat pelaburan dan penyediaan penjagaan yang kurang sekiranya dinilai dalam aspek keseimbangan penawaran dan permintaan. Pergantungan sepenuhnya juga kepada penjagaan sosial yang bersandarkan kepada nilai wang adalah suatu perkara yang tidak menawarkan suatu penyelesaian yang komprehensif atau saksama ke arah menangani jurang penjagaan.

Bagi menjadikan penjagaan ini sebagai barang awam, penyertaan dan pelaburan awam yang lebih kukuh adalah penting. Ini tidak bererti akan berlakunya pengurangan belanja sektor swasta sebaliknya pelaburan awam akan mencipta suatu peluang kerana perkara ini akan menetapkan suatu asas untuk pelaburan swasta yang lebih besar sambil mengembangkan pasaran sasaran yang berbeza untuk perkhidmatan penjagaan swasta.

3.2 Menggunakan pendekatan kitaran hayat untuk ekonomi penjagaan

Pendekatan kitaran hayat mengiktiraf pelbagai risiko dan kelemahan yang dihadapi oleh individu sepanjang hayat mereka.⁶⁷ Pengaplikasian pendekatan kitaran hayat untuk penjagaan membolehkan pertimbangan keperluan penjagaan sosial yang wujud dalam spektrum daripada peringkat penjagaan kanak-kanak hingga warga emas dan termasuk penjagaan khusus seperti penjagaan orang kurang upaya dan paliatif yang diperlukan sepanjang atau tempoh khusus hidup seseorang. Inilah yang dimaksudkan dengan pembinaan ekonomi penjagaan dari buaian ke liang lahad.

Pendekatan kitaran hayat memudahcarakan konsep yang lebih terangkum untuk keperluan penjagaan sosial. Penjagaan kanak-kanak dan warga emas seringkali dianggap sesuatu yang berasingan dalam dasar dan amalan kerana perbezaan dalam keperluan iaitu penjagaan kanak-kanak memerlukan komponen pendidikan manakala penjagaan warga emas memerlukan penjagaan kesihatan. Tambahan pula, keperluan penjagaan orang kurang upaya sering dilihat sebagai sesuatu yang berbeza daripada spektrum penjagaan arus perdana memandangkan terdapat kemahiran khusus yang diperlukan.

Walau bagaimanapun, penyepaduan keperluan penjagaan di bawah satu payung ekonomi penjagaan membolehkan pendekatan yang holistik yang bertindak balas terhadap keperluan kumpulan rentas sepanjang hayat mereka. Sebagai contoh, kanak-kanak memerlukan penjagaan sehingga remaja, melebihi kumpulan usia 0-3 tahun (pusat jagaan) dan 4-6 tahun (prasekolah) sebagaimana yang digariskan dalam model penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak di Malaysia. Penjagaan warga emas selalunya memerlukan penjagaan setiap hari iaitu sesuatu keadaan yang melebihi aspek penjagaan orang sakit atau kemasukan ke hospital. Penjagaan orang kurang upaya memerlukan persilangan antara pendekatan untuk kanak-kanak dan orang dewasa. Oleh yang demikian, pendekatan kitaran hayat mengiktiraf keperluan ini dan bertujuan untuk menwarkan spektrum perkhidmatan dan sokongan.

3.3 Menawarkan garis asas penjagaan yang dapat diakses

Bagi memastikan ekonomi penjagaan ini adalah saksama merentas semua kumpulan, terdapat keperluan untuk menetapkan garis asas minimum penjagaan yang boleh diakses. Namun, sasaran utama haruslah diberikan kepada golongan berpendapatan rendah yang sering menghadapi beberapa keperluan sosial yang tidak terpenuhi secara serentak.⁶⁸ Perkara ini dapat memastikan bahawa sekalipun dalam masa krisis, keperluan penjagaan sosial masih lagi dipenuhi kerana tanpa keperluan tersebut, perkara ini akan mendedahkan keluarga yang tergolong dalam kelompok rentan dengan risiko yang lebih besar. Oleh itu, secara amalannya, perkara ini sepatutnya dijadikan sebagai lantai perlindungan sosial yang membolehkan semua keluarga dapat mengakses penjagaan sosial apabila diperlukan.

4 Cadangan dasar

Visi ekonomi penjagaan dari buaian ke liang lahad yang saksama memerlukan penetapan pembaharuan dasar yang penting merangkumi isu-isu perlindungan sosial, perundangan dan tadbir urus, dan penggubalan dasar yang peka gender. Bagi mencapai perkara ini, pendekatan Malaysia untuk ekonomi penjagaan harus mengikuti empat arah dasar seperti berikut:

1. Menyepadukan penjagaan sosial ke dalam rangka kerja perlindungan sosial
2. Melabur dalam infrastruktur dan perkhidmatan penjagaan berasaskan komuniti
3. Mewujudkan dasar dan tadbir urus untuk penjagaan sosial
4. Memperkenalkan sistem peka gender secara meluas dan pendekatan berpusatkan penjagaan

ARAH DASAR 1: Menyepadukan penjagaan sosial ke dalam rangka kerja perlindungan sosial

4.1 Mewujudkan sokongan untuk penjaga utama keluarga melalui perlindungan sosial

Memandangkan penjagaan itu sebahagian besarnya dilakukan secara tidak formal, pelaburan awam yang penting dalam penjagaan sosial melibatkan penyediaan perlindungan untuk penjaga utama dalam keluarga, terutamanya mereka yang mempunyai tanggungjawab penjagaan jangka panjang. Penjaga tidak formal boleh disokong melalui pelbagai bentuk bantuan sosial termasuk bantuan tunai, faedah tunai untuk penjagaan, elauan keluarga atau kredit pencen yang disasarkan secara khusus kepada penjaga tidak formal. Perkara ini penting kerana kebanyakan penjaga adalah tidak bergaji atau diupah sedangkan kos kesihatan dan sosioekonomi adalah terkumpul dan dalam masa yang sama, mereka mempunyai lebih daripada satu tanggungan untuk dijaga atau keadaan lain seperti kurang upaya atau menjadi penjaga tunggal. Melalui konsep bantuan tunai untuk mengimbangi kehilangan pendapatan akibat penglibatan dalam aktiviti penjagaan berbanding kerja bergaji, perkara ini boleh mencegah aspek kekurangan material penjaga berpendapatan rendah dan mengiktiraf nilai penjagaan dalam masyarakat sebagai suatu aktiviti yang produktif.⁶⁹ Pemfokusan semula dasar terhadap penjaga dan bukan hanya semata-mata penerima penjagaan adalah dilihat sebagai suatu pendekatan berpusatkan manusia yang mengiktiraf kos penjagaan dan berusaha untuk membetulkannya semula.

Contoh dasar yang memberi pampasan kepada penjaga adalah seperti Geran Rumah Penjagaan (HCG) Singapura secara bulanan yang memastikan sokongan kewangan kepada isi rumah yang mempunyai warga emas terutama untuk mereka yang mempunyai ketidakupayaan yang sederhana hingga teruk.⁷⁰ Model penjagaan Singapura menyediakan sokongan langsung kepada keluarga berpendapatan rendah sama ada perkhidmatan penjagaan sosial atau bantuan kewangan sambil menggalakkan sumbangan secara sukarela melalui Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF). Singapura juga memperuntukkan tambah nilai pada tahun 2019 melalui CPF untuk meningkatkan simpanan persaraan individu berpendapatan rendah.⁷¹ Kedua-dua inisiatif HCG dan tambahan wang CPF adalah langkah penting yang boleh dipertimbangkan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Malaysia.

Dalam konteks yang lebih luas, sokongan terhadap penjaga utama di Malaysia melalui perlindungan sosial merangkumi strategi serampang dua mata termasuk:

- **Memperkenalkan elaun penjaga:** elaun ini boleh menjadi ujian keupayaan dan disediakan bergantung kepada intensiti keperluan penjagaan (seperti hilang upaya) berfungsi untuk memberi pampasan sama ada secara sebahagian atau penuh kepada penjaga tidak formal yang menyediakan penjagaan sepenuh masa. Secara amalannya, perkara ini mungkin serupa dengan faedah tunai untuk penjagaan yang akan membantu untuk meningkatkan kebajikan penjaga sambil mengurangkan perbezaan antara mereka yang melakukan kerja bergaji dan tidak bergaji. Perkara ini juga membolehkan mereka untuk mempunyai kemampuan untuk melakukan penjagaan dan membolehkan mereka untuk mencari pekerjaan bergaji.
- **Meningkatkan simpanan persaraan:** pelanjutan perlindungan KWSP bagi mereka yang menjadi penjaga sepenuh masa atau yang terpaksa meninggalkan pekerjaan kerana tanggungjawab penjagaan. Sebagaimana pelaksanaan program seperti i-Saraan, kerajaan boleh memberi insentif kepada sumbangan sukarela dengan menawarkan padanan caruman atau tambah nilai kepada KWSP penjaga.⁷²

4.2 Menghubungkan perlindungan sosial dengan akses kepada perkhidmatan sosial

Dalam jangka panjang, langkah perlindungan sosial seperti bantuan tunai dan insurans sosial tidak boleh menggantikan perkhidmatan penjagaan sosial yang berpatutan, boleh diakses dan berkualiti terutamanya apabila melibatkan warga emas.⁷³ Sistem penjagaan kesihatan sedia ada juga tidak cukup dan sesuai untuk memenuhi keperluan penjagaan sosial harian.⁷⁴ Dalam hal ini, kerajaan memainkan peranan penting untuk membiayai, mengawal selia dan menyediakan perkhidmatan penjagaan sosial kepada kumpulan berpendapatan rendah untuk mencegah daripada ketidaksamaan. Berkaitan hal ini, rangka kerja perlindungan sosial Malaysia harus dikembangkan dengan menghubungkan konsep ini dengan akses kepada perkhidmatan sosial. Perkara ini akan membentuk lantai perlindungan sosial atau garis asas perlindungan untuk semua rakyat Malaysia.

Mekanisme praktikal yang boleh membantu untuk mencapai perkara ini adalah insurans penjagaan jangka panjang (LTCI) iaitu suatu agenda kesihatan utama yang telah diwujudkan oleh negara-negara yang mempunyai isu penuaan penduduk. Sebagai contoh, program LTCI di Jepun dan Korea Selatan menghubungkan antara bantuan dan perkhidmatan sosial dengan membenarkan akses kepada pelbagai jenis penjagaan seperti rumah, lawatan, institusi dan penjagaan komuniti dengan kelayakan diberikan kepada warganegera yang berusia lebih daripada 65 tahun.⁷⁵

Program LTCI ini juga diberi subsidi secara silang yang dibiayai melalui cukai, insurans sosial dan pembayaran bersama dengan subsidi diberikan kepada kumpulan berpendapatan rendah.⁷⁶ Menyentuh keadaan di Malaysia, pembiayaan awal adalah perlu kerana perkara ini membenarkan penyesuaian dan pembinaan sistem penyampaian perkhidmatan dalam suatu tempoh tangguh sebelum permintaan terhadap sumber berkembang terutama dalam situasi infrastruktur semasa yang masih tidak mencukupi.⁷⁷ Walaupun model penjagaan di Jepun dan Korea Selatan memberi suatu aspirasi, pelajaran daripada dasar negara-negara ini menunjukkan adalah lebih baik jika permulaan dasar itu dilaksanakan dengan pemberian faedah secara bertahap bermula daripada faedah dan skim yang terhad.⁷⁸ Perkara ini mungkin juga berguna untuk kes penjagaan kanak-kanak iaitu dengan menggunakan model pembiayaan tiga pihak melalui pengagihan tanggungan kos itu kepada majikan, ibu bapa dan kerajaan.

ARAH DASAR 2: Melabur dalam infrastruktur dan perkhidmatan penjagaan berasaskan komuniti

4.3 Mempelbagaikan perkhidmatan sokongan penjagaan sosial untuk menjadi lebih fleksibel dan bertindak balas terhad keperluan yang berbeza

Dalam usaha untuk memastikan ekonomi penjagaan di Malaysia bertindak balas secara berkesan terhadap keperluan penjagaan sosial, perkara ini memerlukan perkhidmatan yang lebih luas dan pelbagai berbanding dengan perkhidmatan sedia ada. Ekonomi penjagaan secara asasnya patut membenarkan penerima untuk memilih jenis penjagaan yang mahu diterima oleh mereka. Bagi mengisi jurangini, model berasaskan komuniti dan rumah adalah konfigurasi penjagaan penting kerana model ini menyediakan penjagaan dan sokongan dalam komuniti yang mereka tinggal dan berinteraksi dan lebih berpatutan serta mudah diakses dalam jangka panjang.⁷⁹

Bagi warga emas, penjagaan berasaskan komuniti dan rumah menggalakkan konsep penuaan di tempat sendiri dan kebebasan yang tidak menyerlah dalam konteks penjagaan institusi. Pempelbagaian cara penyediaan perkhidmatan penjagaan sosial ini adalah kunci utama. Justeru, perkhidmatan ini harus meliputi pengaturan seperti penjagaan orang dewasa sewaktu hari bekerja, penjagaan berasaskan ziarahan ke rumah, aktiviti dan program komuniti serta penjagaan sementara. Perkara ini penting kerana penjaga utama hanya boleh bekerja jika mereka mempunyai akses kepada sokongan penjagaan formal yang cukup fleksibel dan disesuaikan dengan keperluan mereka.

Malaysia telah pun mempunyai model penjagaan berasaskan komuniti dan rumah untuk orang kurang upaya (OKU) di bawah bidang kuasa Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOUK) yang berada di bawah JKM.⁸⁰ Langkah seterusnya adalah mengembangkan model sedia ada ini kepada warga emas sambil memudahkan carakan pengambilan dan sokongan dalam komuniti rentan.

Pada masa yang sama, Malaysia perlu mempertimbangkan penyepaduan sistem penjagaan sosial dan kesihatan. Kertas Putih Kesihatan terkini menawarkan peluang penting untuk langkah tersebut kerana kertas tersebut menggariskan suatu peralihan ke arah “penjagaan berpusatkan manusia dan mendekatkan penjagaan kepada masyarakat” dan memindahkan perkhidmatan seperti penjagaan sementara ketika keluar dari hospital ke peringkat komuniti.⁸¹ Ini menawarkan peluang penjagaan melangkaui penjagaan berorientasikan perubatan dengan memasukkan sekali perkhidmatan penjagaan sosial yang diperlukan melangkaui perkara yang berkaitan dengan penyakit.

Penjagaan berasaskan komuniti juga boleh menjadi pilihan yang dapat dilaksanakan dan menarik untuk ibu bapa yang berkerja saat ketiadaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Perkara ini boleh menghubungkan dan menyepadukan ibu bapa kepada rangkaian saudara mara, sahabat handai dan jiran yang lebih meluas. Pada masa yang sama, majikan juga berperanan penting dalam mengiktiraf dan menyokong tanggungjawab penjagaan pekerja mereka. Syarikat yang berada dalam kawasan awam perlu diberi insentif untuk mengumpulkan sumber dan pembiayaan untuk mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak sebagai satu lagi cara untuk penyediaan penjagaan berasaskan komuniti. Penyediaan bimbingan, latihan dan kemahiran korporat untuk memperkasakan syarikat adalah kunci untuk melakukan perkara ini. Pusat penjagaan kanak-kanak juga perlu mempunya masa lanjutan untuk menampung keperluan hari bekerja penuh dan cukup fleksibel untuk menampung masa bekerja bersifat syif yang tidak teratur.

Pusat penjagaan berasaskan komuniti dan rumah pada akhirnya akan memerlukan lebih banyak kerjasama di setiap peringkat kerajaan sama ada dari persekutuan, negeri dan kerajaan tempatan. Pelaksanaan, pemantauan dan peraturan mesti diagihkan pemusatannya kepada peringkat daerah. Penambahbaikan struktur pelaksanaan dan tadbir urus harus seiring dengan pempelbagaiannya perkhidmatan yang disediakan dalam ekonomi penjagaan melalui kaedah yang fleksibel dan mudah kepada komuniti yang ingin dilayani.

ARAH DASAR 3: Mewujudkan dasar dan tabdir urus untuk penjagaan sosial

4.4 Menggariskan perundangan, dasar dan hala tuju ekonomi penjagaan

Walaupun konsep ekonomi penjagaan diketengahkan dalam rangka kerja Ekonomi Madani, Malaysia masih belum menggariskan langkah-langkah yang nyata untuk membangunkannya. Rangka kerja perundangan, dasar dan tadbir urus yang menggariskan pendekatan yang lebih tersusun untuk ekonomi penjagaan adalah perlu. Rajah 7 mengenal pasti lima titik hala tuju untuk menetapkan asas perundangan dan dasar untuk ekonomi penjagaan dari buaian ke liang lahad.

Rajah 7: Hala tuju perundangan dan dasar ekonomi penjagaan

- | | | | | |
|---------------------------------|--------------------------|---|---|-------------------------------------|
| 1. Dialog dan meja bulat | 2. Kumpulan kerja | 3. Rangka tindak berkaitan penjagaan | 4. Pelan tindakan kebangsaan berkaitan penjagaan | 5. Akta Penjagaan Kebangsaan |
|---------------------------------|--------------------------|---|---|-------------------------------------|



Perbincangan formal berkenaan landskap dan isu, kurang koheren

Membolehkan pengenalpastian keutamaan dalam lanskap

Dokumen yang lebih formal berkaitan landskap, serta keutamaan negara

Strategi negara yang lebih koheren dan perancangan untuk menangani isu dalam suatu julat masa yang ditetapkan

Tindakan perundangan yang paling koheren, formal dan memberi mandat kepada badan khusus

Berdasarkan rajah 7, langkah awal adalah dengan cara mengukuhkan penyelarasan dan kerjasama institusi melalui dialog, perbincangan meja bulat dan kumpulan kerja oleh pelbagai pemegang taruh. Negara lain misalnya, melalui kaedah memformalkan struktur untuk kerjasama dan penglibatan rentas pemegang taruh telah membawa kepada pengenalpastian keutamaan dan hasil yang lebih konkret seperti yang digambarkan daripada Langkah 3 hingga 5. Sebagai contoh, di Argentina, penubuhan suruhanjaya penjagaan antara kementerian pada tahun 2020 telah membawa 12 agensi untuk merancang dan merangka dasar penjagaan sosial.⁸² Konsep yang sama juga diterapkan di Nepal melalui kewujudan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan berkenaan Kebajikan Pekerjaan dan Ekonomi Penjagaan (NSC) rentas kementerian yang diletakkan di bawah Suruhanjaya Perancangan Nasional telah ditubuhkan untuk membangunkan dasar dan meningkatkan pelaburan dalam ekonomi penjagaan.⁸³

Ekonomi penjagaan Malaysia akan mendapat manfaat daripada membangunkan pelan tindakan penjagaan kebangsaan dan dokumen dasar yang formal seperti yang digariskan dalam Langkah 3 hingga 5. Walaupun begitu, perkara ini merupakan suatu bentuk perubahan yang akan meningkat dari semasa ke semasa dan menunjukkan suatu komitmen yang utuh bagi membangunkan ekonomi penjagaan.

Rangka tindakan sepetimana yang digariskan dalam Langkah 3 menawarkan cara paling mudah untuk memformalkan komitmen ini. Pada masa ini, Kementerian Ekonomi sedang mengusahakan Rangka Tindakan Agenda Penuaan Kebangsaan,⁸⁴ landskap ekonomi penjagaan Malaysia akan mendapat manfaat daripada rangka tindakan ekonomi penjagaan secara keseluruhan yang merangkumi aspek penjagaan bergaji dan tidak bergaji daripada perspektif kitaran hayat. Melalui rangka tindakan penjagaan kebangsaan ini, kefahaman yang lebih baik berkaitan landskap semasa dan jurang yang wujud sedia ada boleh dipetakan semula dan pada masa yang sama menetapkan perspektif secara menyeluruh tentang cara pembentukan ekonomi penjagaan.

Langkah 4, pelan tindakan nasional (National Action Plan - NAP) akan membina asas ini. Satu NAP untuk penjagaan ini akan menyatakan strategi untuk melaksanakan ekonomi penjagaan. NAP ini akan menjadi lebih konkret daripada sekadar rangka tindakan dan sering digunakan untuk menyatakan keutamaan dan tindakan yang akan dilaksanakan secara komited oleh sesebuah negara.⁸⁵ Contoh daripada Indonesia juga relevan di sini. Kementerian Pemberdayaan Perempuan dan Perlindungan Anak (KPPA) sedang menerajui pembangunan Peta Jalan Ekonomi Perawatan yang akan dimasukkan dalam Rencana Pembangunan Jangka Panjang Nasional 2025-2045.⁸⁶ Malaysia boleh mendapat manfaat daripada jenis dokumen dasar ini dalam jangka masa sederhana dan memerlukan jangka masa yang lebih lama untuk mengiktiraf secara formal penjagaan sosial sebagai isu strategik dan menyepakukannya ke dalam pelan pembangunan yang lebih meluas.

Akhir sekali, Langkah 5 ialah Akta Penjagaan Kebangsaan yang merupakan suatu tindakan perundangan yang paling koheren dengan mandat boleh ditugaskan kepada kementerian atau kelompok kementerian tertentu dengan definisi, piawaian minimum dan pemantauan tanggungjawab yang digariskan secara jelas. Akta Penjagaan Uruguay misalnya yang diterima pakai pada tahun 2015 bertujuan untuk mengelakkan kekhawatiran akan krisis penjagaan.⁸⁷ Berdasarkan akta ini, semua kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas mempunyai hak untuk mendapatkan akses kepada penjagaan.⁸⁸ Secara idealnya, inilah yang sepatutnya menjadi cita-cita Malaysia.

4.5 Mengiktiraf, memprofesionalkan dan mengawal selia tenaga kerja penjagaan sosial

Serentak dengan strategi kebangsaan, tindakan perundangan juga diperlukan untuk menangani isu memprofesionalkan tenaga kerja penjagaan sosial untuk mengekalkan dan menyelaraskan kualiti penjagaan. Terdapat strategi perundangan melalui Cadangan Rang Undang-undang (RUU) yang boleh menjadi contoh dalam hal ini iaitu RUU Profesional Kerja Sosial yang bertujuan untuk memprofesionalkan kerja sosial di Malaysia tetapi masih belum dibentangkan di parliment. Walaupun begitu, sekalipun RUU ini diluluskan, RUU ini hanya memberi manfaat kepada pekerja sosial dan tidak mempunyai kesan kepada semua jenis pekerja penjagaan sosial dalam sektor awam dan swasta.

Sehubungan dengan itu, pekerja penjagaan sosial memerlukan perundangan yang berasingan untuk memfokuskan dan memprofesionalkan tenaga kerja. Pemprofesionalan pekerja penjagaan sosial perlu diformalkan dalam dokumen dasar kebangsaan seperti rangka tindakan, pelan dan tindakan berkaitan dengan penjagaan. Perkara ini penting untuk membolehkan sektor penjagaan formal dapat menumbuh dengan sistematik, dan sekiranya tidak diendah, pertumbuhan ini akan terganggu dan tidak dapat untuk menarik dan membina tenaga kerja yang berkelayakan dalam jumlah bilangan yang mencukupi. Apabila RUU Profesional Kerja Sosial ini diluluskan, perkara ini sepatutnya membuka jalan kepada akta yang setara yang menyasarkan kepada pekerja penjagaan sosial untuk meningkatkan status mereka secara formal dan bergaji serta bertahap profesional.

Pada garis asas, perundangan untuk memprofesionalkan kerja penjagaan sosial harus merangkumi komponen seperti berikut: (1) penyeragaman dan penambahbaikan pendidikan dan latihan untuk mengembangkan kemahiran yang diperlukan untuk tenaga kerja penjagaan yang berkelayakan, (2) menggariskan terma dan syarat untuk kerja penjagaan sosial, (3) memprofesionalkan pekerja penjagaan selaras dengan status pekerja professional seperti pekerja penjaga kesihatan (untuk penjaga warga emas dan orang kurang upaya) dan/atau guru sekolah (untuk pekerja penjagaan kanak-kanak), (4) penawaran perlindungan pekerjaan kepada pekerja penjagaan sosial melalui perlindungan sosial, dan (5) memperkenalkan pemantauan berkala dan mekansime penilaian untuk kualiti.

Kotak artikel 3: Pemetaan program TVET untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja penjagaan sosial di Malaysia

Oleh Sofea Azahar

Program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) memainkan peranan dalam melatih dan meningkatkan tenaga kerja penjagaan sosial. Dalam aspek semasa, kemahiran penjagaan sosial mendapat permintaan yang tinggi di peringkat global. World Economic Forum (WEF) meramalkan terdapat peningkatan sebanyak 37% dalam pekerjaan baharu dalam ekonomi penjagaan untuk tempoh tiga tahun akan datang. Namun, sekalipun terdapat permintaan yang meningkat, Malaysia menghadapi kekurangan tenaga kerja penjagaan sosial. Kerja penjagaan individu berasaskan rumah disenaraikan antara pekerjaan kritikal yang sedang menghadapi kekurangan tenaga kerja berdasarkan senarai 2022/23 yang telah dikeluarkan oleh TalentCorp dan Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA).⁸⁹

Sistem TVET boleh menutup jurang ini dengan melengkapkan pekerja penjagaan sosial dengan kemahiran praktikal dan menyediakan latihan yang berfokus dan dapat mengadaptasi dengan situasi yang akan berguna untuk meningkatkan kemahiran mereka dengan lebih cepat dan memberi kemahiran kepada pekerja yang berpotensi. Memanfaatkan program TVET di Malaysia untuk penyediakan latihan berasaskan kemahiran bagi tenaga kerja penjagaan sosial adalah penting memandangkan perkara ini menekankan kepada pengalaman langsung yang menyumbang kepada 80% dalam struktur modulnya.⁹⁰ hands-on experience, which accounts for up to 80% of its structure.⁹⁰

Pelbagai usaha berkaitan TVET telah dijalankan di Malaysia untuk menangani isi berkaitan kemahiran tenaga kerja. Rajah 8 memetakan insiatif sedia ada dan akan datang.

Saat ini, pendekatan Malaysia dalam melatih tenaga kerja penjagaan sosial adalah terpecah dan dilaksanakan secara tidak selaras berbanding secara tersusun dan berstruktur. Bagi memaksimumkan potensi sistem TVET untuk menutup kekurangan tenaga kerja dalam sektor penjagaan, Malaysia perlu meningkatkan latihan kemahiran dan persijilan untuk pekerja penjagaan sosial terlebih dahulu dengan menguatkuasakan piawaian kemasukan minimum melalui penyertaan wajib dalam waktu latihan pra-perkhidmatan untuk semua pekerja penjagaan sosial.⁹¹ Contoh utama berkenaan perkara ini adalah pemberian mandat kepada semua penyedia penjagaan kanak-kanak perlu mendapatkan sijil melalui Kursus Asuhan PERMATA (KAP) tetapi keperluan sedemikian adalah tidak wujud bagi pekerja jagaan warga emas. Pengumuman mengenai kursus penjagaan kanak-kanak dan warga emas akan datang di bawah bidang kuasa ISM adalah satu langkah yang menuju ke arah yang tepat.⁹²

Kedua, memandangkan pusat jagaan berasaskan komuniti lebih mudah diakses dan berpatutan, terdapat keperluan untuk memudahcarakan perkongsian antara penyedia TVET dan penyedia pusat penjagaan berasaskan komuniti. Program TVET boleh dimanfaatkan untuk menyediakan latihan dan kursus kemahiran yang relevan kepada pekerja penjagaan sosial yang berasaskan komuniti. Salah satu contoh dalam hal ini adalah kerjasama antara UOA Academy, Yayasan Peneraju dan Komune Care yang menyediakan sijil profesional penjagaan warga emas melalui sistem TVET.⁹³

Rajah 8: Inisiatif Malaysia untuk meningkatkan dan memperkemaskan kelayakan untuk pekerja penjagaan sosial

Memacu organisasi untuk industri

Badan Peneraju Industri bawah KSM memudahkan cara kerjasama antara penyedia TVET dan industri. Badan ini sering mengemas kini Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) memasukkan kemahiran baharu dalam penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak, penjagaan warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Badan tauliah untuk pembangunan profesional pekerja penjagaan

Institut Sosial Malaysia (ISM) di bawah KPWKM menawarkan diploma lepasan ijazah berkaitan kerja sosial, bengkel, seminar dan persidangan berkaitan penjagaan kanak-kanak dan orang kurang upaya.

Rangka kerja kelayakan penjagaan sosial di bawah NIOSH

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH) kerap membangunkan rangka kerja kelayakan penjagaan pekerja terutama dalam bidang penjagaan kesihatan. Namun, kemajuan rangka kerja ini dilaporkan terhenti dan memerlukan kemas kini.

Kursus Sektor Swasta

Program latihan My Flex Health adalah satu contoh kursus bertauliahan yang diberi kuasa untuk menyediakan kursus kelayakan yang diiktiraf di Australia, di Malaysia. Program ini menawarkan latihan vokasional dan kursus pendek meliupi penjagaan warga emas dan komuniti seperti perawatan dan fisioterapi. Perkara ini menawarkan kepakaran antarabangsa kepada tenaga kerja sosial di Malaysia yang boleh diperkuuhkan untuk mendapatkan kualiti penjagaan yang tinggi.

Kerjasama rentas Kementerian

KPKWM dan KSM bersedia untuk bekerjasama dalam menjalankan program latihan TVET untuk pekerja penjagaan sosial. Kerjasama silang ini membolehkan pelbagai peluang latihan yang komprehensif kepada pekerja penjagaan. Perkara ini juga akan memastikan kecekapan yang lebih tinggi kerana kedua-dua kementerian dapat menyelaraskan usaha dan meminimumkan pertindihan.

Sumber: Jabatan Pembangunan Kemahiran, Institut Sosial Malaysia, The Star, My Flex Health dan perbincangan dengan pemegang taruh

4.6 Memperkenalkan pendekatan pelbagai sektor dalam ekonomi penjagaan

Pada masa ini, kemajuan dalam ekonomi penjagaan diterajui oleh KPWKM memandangkan penjagaan dilihat melalui lensa isu wanita dan kebajikan. Namun, tugas untuk membina ekonomi penjagaan dari buaian ke liang lahad adalah lebih baik dilaksanakan melalui kerjasama pelbagai sektor dengan penglibatan pelbagai kementerian, agensi dan peringkat kerajaan. Perkara ini adalah penting kerana penyelarasan rentas sektor dapat mengalihkan halangan untuk pelaksanaan, menggalakkan pertumbuhan usaha dan memaksimumkan kesan yang tidak dapat dicapai oleh satu entiti.⁹⁴

Oleh itu, ekonomi penjagaan perlu menjadi tanggungjawab bersama oleh beberapa kementerian sebagai pemegang taruh memandangkan penyertaan aktif dan tindak balas mereka adalah berkait rapat antara satu sama lain. Ini termasuk Kementerian Ekonomi dalam mengiktiraf dan menilai sumbangan penjagaan kepada KDNK dan memudahcarakan pertumbuhan industri perkhidmatan penjagaan sosial, Kementerian Sumber Manusia dalam menyelia latihan kemahiran dan keadaan pekerjaan pekerja perlindungan sosial, Kementerian Kesihatan untuk proses penyepaduan yang lebih baik antara kesihatan dan penjagaan sosial dan berperanan ke arah pencegahan penyakit, dan Kementerian Pendidikan dalam aspek penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak.

Bagi tujuan ini, satu jawatankuasa rentas kementerian adalah diperlukan untuk menyelaraskan tanggungjawab silang dan memperkemaskan tindakan ke arah matlamat yang sama untuk membina ekonomi penjagaan dari buaian ke liang lahad yang bertindak balas terhadap keperluan penjagaan sosial rakyat Malaysia.

ARAH DASAR 4: Memperkenalkan sistem peka gender secara meluas dan pendekatan berpusatkan penjagaan

4.7 Mengumpul, menerbitkan dan menyepadukan data berkaitan kerja penjagaan tidak bergaji dan ekonomi penjagaan

Membina asas ekonomi penjagaan memerlukan pengiktirafan kerja penjagaan secara lebih formal dan membuat pekerjaan ini “kelihatan” sepertimana yang dijalankan secara swasta di rumah. Bagi melakukan perkara ini, data dan statistik berkenaan pengeluaran rumah tidak bergaji dan kerja penjagaan perlu dikumpul dan tersedia untuk rujukan awam. Perkara ini bukan sahaja akan menekankan keperluan mendesak untuk perhatian dasar, bahkan sangat berguna untuk memacu penggubalan dasar berdasarkan bukti iaitu suatu tugas penting yang perlu untuk mewajarkan pelaburan awam yang penting dalam ekonomi penjagaan. Dalam hal ini, Malaysia boleh memanfaatkan dengan menggunakan tinjauan penggunaan masa (TUS) seluruh negara untuk mengukur kerja penjagaan tidak berbayar.⁹⁵ Namun, penggunaan TUS memerlukan kos yang tinggi dan bersifat intensif sumber. Maka, kaedah yang lebih sesuai untuk Malaysia bermula adalah dengan memanfaatkan tinjauan isi rumah dan tenaga buruh di bawah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) untuk mengumpul data berkenaan kerja penjagaan tidak bergaji dan menyediakan maklumat ini untuk diakses oleh orang awam,⁹⁶ walaupun kaedah ini bukanlah pengganti yang sempurna untuk TUS.

4.8 Pengarusperdanaan penggubalan dasar yang peka gender

Dasar-dasar Malaysia berkait dengan penjagaan sosial perlu bersifat peka gender. Secara dasarnya, menjadi peka gender dalam konteks penjagaan bererti mengiktiraf dan bertindak balas terhadap realiti bahawa lelaki dan wanita mempunyai keperluan penjagaan dan perawatan yang berbeza. Sebagai contoh, wanita cenderung untuk hidup secara purata 4.5 tahun lebih lama daripada lelaki.⁹⁷ Mereka juga berkemungkinan lebih bertanggungjawab untuk menyediakan penjagaan kepada ahli keluarga yang lain sehingga usia lanjut⁹⁸ dan cenderung mempunyai simpanan yang kurang. Keperluan dan keupayaan penjagaan mereka berbeza daripada lelaki, justeru dasar penjagaan jangka panjang adalah perlu untuk bertindak balas terhadap perbezaan ini.

Di samping itu, wanita juga selalu dipersembahkan secara berlebihan dalam konteks tenaga kerja penjagaan sosial bukan sahaja dalam konteks penilaian akan penjagaan dengan nilai yang rendah, bahkan kebanyakannya mereka juga tertumpu pada status kelas yang rendah, peranan dengan nilai gaji yang rendah atau tidak bergaji yang meningkatkan keadaan sosioekonomi mereka yang sedia lemah.⁹⁹ Oleh itu, dasar-dasar yang digubal harus mengiktiraf unsur gender yang wujud dalam kerja penjagaan sosial dan mencipta keadaan yang memberi nilai kepada penjagaan. Pendekatan ini juga harus dilaksanakan secara silang yang bertindak balas secara berkesan terhadap situasi yang pelbagai.

Kepekaan gender perlu dilengkapkan dengan pengiktirafan bahawa pengalaman ini akan dibentuk melalui keadaan yang konkret seperti status sosioekonomi, ketidakupayaan, status migran atau bangsa. Bagi menjadikan penggubalan dasar adalah lebih peka gender, pertimbangan yang bersilang perlu dilaksanakan dengan proses pengarusperdanaan secara sistematis rentas peringkat kerajaan dan perangkaan dasar.

Malaysia telah mencapai kemajuan dalam bidang ini dengan menyebarluaskan tanggungjawab kesaksamaan gender rentas kementerian melalui penubuhan kumpulan titik tumpuan gender (Gender Focal Team - GFT). Melangkah ke hadapan, GFT sebagai wadah untuk mengarusperdanakan pertimbangan gender dan penjagaan sepatutnya menjadi langkah pertama yang penting. Namun, kunci utama dalam hal ini adalah dengan mewujudkan keutamaan dan penunjuk kejayaan GFT yang berpusatkan kepada penjagaan dan dalam masa yang sama melatih pakar GFT dan melaporkan kemajuan akan perkara ini rentas kementerian. Ketiadaan perkara ini akan memberi kesukaran untuk mengukur tahap keberkesanannya. Apabila ini dilaksanakan, KPWKM patut mempertimbangkan untuk mewujudkan mekanisme kebertanggungjawaban untuk memastikan matlamat peka gender ini dipenuhi.

5 Kesimpulan

Ekonomi penjagaan secara asasnya adalah isu strategik untuk pembangunan Malaysia bukan sahaja untuk memacu pertumbuhan ekonomi bahkan kerana kepentingannya untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat Malaysia. Perkara ini akan memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan hasil kesaksamaan gender dengan menyediakan sokongan konkret kepada keluarga dan membolehkan wanita untuk mengejar peluang ekonomi. Tuntasnya, Malaysia berpeluang untuk mendapat manfaat melalui pelaburan ke dalam ekonomi penjagaan.

Namun, cabaran yang wujud terletak kepada pembinaan ekonomi penjagaan dari buaian ke liang lahad yang bertindak balas kepada keperluan penjagaan semua kumpulan di tengah-

tengah perubahan demografi yang pesat di samping memastikan perkara ini adalah saksama dan dapat diakses secara meluas. Oleh itu, perkara ini amat penting untuk Malaysia membentuk visi ekonomi penjagaan yang inklusif dan menyeluruh dengan merangka semula penjagaan sebagai barang awam, menerima pakai pendekatan kitaran hayat untuk penjagaan sosial dan memastikan seluruh rakyat Malaysia dapat mengakses garis asas penjagaan yang minimum.

Tidak seperti kebanyakan bidang dasar yang lain, penjagaan sosial adalah suatu bidang yang sangat kompleks kerana perkara ini berkait rapat dengan gender dan norma budaya. Setakat ini, Malaysia juga tidak mempunyai asas untuk memastikan ekonomi penjagaan yang berkembang maju, apatah lagi yang menjangkau dari buaian ke liang lahad. Keadaan inilah yang harus diteliti oleh negara untuk meneruskan dasar pembaharuan yang luas merangkumi perlindungan sosial, perundangan dan tadbir urus, perkhidmatan dan infrastruktur penjagaan berasaskan komuniti, dan pendekatan peka gender dalam penggubalan dasar. Secara keseluruhan, perkara ini menjadi arah dasar yang penting yang menjanjikan keuntungan yang tidak hanya memberi kesan kepada ekonomi penjagaan semata-mata tetapi juga negara secara keseluruhan.

Nota hujung

- 1 OECD (n.d.). Quick guide to what and how – Entry points to recognise, reduce and redistribute. Diambil daripada <https://www.oecd.org/dac/gender-development/47565971.pdf>
- 2 Contact. (n.d.). What is social care? Retrieved from <https://contact.org.uk/help-for-families-information-advice-services/social-care/what-is-social-care/>
- 3 Johns Hopkins Medicine. (n.d.). Being a caregiver. Diambil daripada <https://www.hopkinsmedicine.org/health/caregiving/being-a-caregiver#:~:text=%22Informal%22%20caregivers%2C%20also%20called,an%20ill%2C%20or%20disabled%20person.>
- 4 National Population and Family Development Board Malaysia. (2017). Ageing phenomenon in Malaysia towards 2030. Diambil daripada <https://mprh.lppkn.gov.my/ageing-phenomenon-malaysia-towards-2030/>
- 5 Hamdan et al, 2018. Aging workforce: A challenge for Malaysia. Journal of Administrative Science. https://jas.uitm.edu.my/images/SPECIALEDITIONICOPSISSUE3_2018/1.pdf
- 6 National Population and Family Development Board Malaysia. (n.d.). Understanding Malaysian Families of Today. Diambil daripada <https://mprh.lppkn.gov.my/understanding-malaysian-families-of-today/>
- 7 The World Bank. (2020). A silver lining: Productive and inclusive aging for Malaysia. <https://www.worldbank.org/en/country/malaysia/publication/a-silver-lining-productive-and-inclusive-aging-for-malaysia>
- 8 Khalid, Haniza. (2023). Investing in the care economy: Opportunities for Malaysia. United Nations Development Programme. Diambil daripada <https://www.undp.org/malaysia/publications/issue-brief-investing-care-economy-opportunities-malaysia>

- 9 Khazanah Research Institute. (2019). Time to care: Gender inequality, unpaid care work and time use survey.
- 10 United Nations Women. (2018). Facts and figures: Economic empowerment. Diambil daripada <https://www.unwomen.org/en/what-we-do/economic-empowerment/facts-and-figures>
- 11 Khazanah Research Institute. (2019). Time to care: Gender inequality, unpaid care work and time use survey.
- 12 Argentina Ministry of Economy. (2021). The Value of Care: A Strategic Economic Sector A Measurement of Unpaid Care and Domestic Work in the Argentine GDP. Diambil daripada https://www.argentina.gob.ar/sites/default/files/the_value_of_care.pdf
- 13 Rujuk Apendiks Teknikal A untuk perincian dan anggaran.
- 14 Indeed. (2023). Housekeeper Salaries in Malaysia. Diambil daripada <https://malaysia.indeed.com/career/housekeeper/salaries>
- 15 Department of Statistics Malaysia. (2023). Quarterly national account - gross domestic product, fourth quarter 2022. Diambil daripada <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=86731>
- 16 Khazanah Research Institute. (2019). Time to care: Gender inequality, unpaid care work and time use survey.
- 17 Department of Statistics Malaysia. (2023). Labour force survey report 2022. <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=86683>; Department of Statistics Malaysia. (2023). Salaries and Wages Survey Report 2022. Diambil daripada <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/salaries-and-wages-survey-report-2022>
- 18 Rujuk Apendiks Teknikal B untuk perincian lanjut.
